

18 OCT 1997

KRISIS MATA WANG TIDAK AKAN BAWA KEMELESETAN EKONOMI

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 18 Okt (Bernama) -- Krisis mata wang yang dihadapi Malaysia sekarang dijangka tidak membawa kemelesetan ekonomi, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd Shafiee Apdal di sini, pada hari Jumaat.

Kesan daripada penurunan nilai ringgit, yang jatuh sehingga 30 peratus berbanding dollar Amerika, akan dirasakan oleh semua rakyat Malaysia tetapi "ia hanyalah bersifat sementara", kata beliau kepada para penuntut Malaysia di sini.

Shafiee ialah seorang daripada empat Anggota Parlimen yang dipilih sebagai pemerhati di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk tempoh sebulan. Shafiee, yang juga setiausaha biro pendidikan Umno, berada di Washington untuk lawatan sehari.

Asas ekonomi Malaysia yang kukuh serta sikap disiplin semua pihak akan mengatasi masalah itu, kata beliau lagi.

Beliau menyeru semua penuntut dan pegawai kerajaan Malaysia yang berada di sini supaya berjimat cermat bagi mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

Beliau berkata rakyat Malaysia perlu menaruh kepercayaan dan menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membawa negara keluar daripada krisis itu.

Shafiee yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno turut menjelaskan mengenai keadaan berjerebu di Malaysia, projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan rang undang-undang Siber serta langkah-langkah yang sedang diambil oleh Umno untuk mengatasi gejala politik wang. -- BERNAMA.

SH MZ PR